BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM

Jilid 39 No. 4

S4

Suku Keempat 2024

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh BNM berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh BNM dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

03 Sorotan Penting

04 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

05 Perkembangan Ekonomi Malaysia

10 Perkembangan Monetari dan Kewangan

13 Pertimbangan Dasar

15 Tinjauan Makroekonomi

17 Tambahan

Sorotan Penting bagi S4 2024

KDNK meningkat sebanyak 5%

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan?

Pengembangan aktiviti pelaburan yang kukuh
Pembentukan Modal Tetap Kasar: 11.7% (S3 2024: 15.3%)

Pertumbuhan berterusan eksport barangan dan perkhidmatan
Eksport Barangan dan Perkhidmatan: 8.5% (S3 2024: 11.8%)

Perbelanjaan isi rumah yang mampan
Penggunaan Swasta: 4.9% (S3 2024: 4.8%)

Pasaran pekerja yang terus bertambah baik

Kadar Pengangguran
3.2%
(S3 2024: 3.2%)

Upah Nominal Sektor Swasta
3.1%
(S3 2024: 3%)

Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.8%

Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi inflasi?

Inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih yang lebih rendah disebabkan oleh harga promosi
Inflasi perkhidmatan komunikasi mudah alih: -10%
(S3 2024: 0%)

Inflasi petrol yang lebih rendah, didorong oleh RON97
Inflasi petrol: -0.8% (S3 2024: -0.2%)

Inflasi makanan yang lebih tinggi
Inflasi makanan dan minuman: 2.5% (S3 2024: 1.6%)

Ringgit menurun nilai berbanding mata wang rakan-rakan perdagangan

NEER Ringgit
-3.4%
(S3 2024: 10%)

Indeks Dolar AS
7.6%
(S3 2024: -4.8%)

Prestasi Ekonomi Global

Ekonomi global berkembang pada kadar yang stabil pada S4 2024

KDNK ekonomi terpilih,
Pertumbuhan tahunan, %



Sumber: Pihak berkuasa negara

Perdagangan serantau terus pulih, dengan tanda-tanda kadar pemulihan semakin perlahan

Eksport ekonomi terpilih,
Pertumbuhan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- **Pertumbuhan global yang stabil**, disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif. Faktor-faktor ini mengimbangi kesan terlat (*lagged impact*) daripada kadar faedah tinggi yang terdahulu.

- **Perdagangan serantau terus pulih,** disokong oleh barangan elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E) serta barangan bukan E&E. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan mulai perlahan, khususnya dalam kalangan ekonomi maju Asia yang sebelum ini menerajui pemulihan.

- **Inflasi keseluruhan umumnya kekal stabil, dengan inflasi ekonomi sedang pesat membangun kekal di bawah purata jangka panjang.** Kadar pergerakan disinflasi dalam ekonomi maju lebih perlahan, disebabkan oleh inflasi perkhidmatan yang berlarutan dan kenaikan harga makanan yang didorong oleh faktor bekalan.

- **Harga minyak mentah Brent menunjukkan trend menurun** kepada USD74 setong pada S4 2024 (S3 2024: USD79 setong) berikutan permintaan minyak global yang lebih rendah, khususnya daripada China.

Keluaran Dalam Negeri Kasar

KDNK meningkat sebanyak 5% pada S4 2024, lantas menghasilkan pertumbuhan sebanyak 5.1% bagi tahun 2024

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan ekonomi menurun sebanyak 1.1% pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S4 2024?

- Pengembangan aktiviti pelaburan yang kukuh
- Perbelanjaan isi rumah yang mampan berikutan keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan dasar
- Pertumbuhan berterusan eksport barangan dan perkhidmatan

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada S4 2024?

- Pengeluaran minyak pulih dengan lebih perlahan selepas aktiviti penyelenggaraan

Prestasi Ekonomi Malaysia

Permintaan dalam negeri yang berterusan

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta

4.9%
(S3 2024: 4.8%)

Didorong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif dan sokongan langkah-langkah dasar

Pelaburan Swasta

12.7%
(S3 2024: 15.5%)

Pertumbuhan pelaburan yang kukuh dengan sokongan pelaksanaan yang berterusan bagi projek baharu dan projek sedia ada

Penggunaan Awam

3.3%
(S3 2024: 4.9%)

Penggunaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi

Pelaburan Awam

10%
(S3 2024: 14.4%)

Perbelanjaan aset tetap yang berterusan oleh Kerajaan dan syarikat awam

Export Bersih

57.6%
(S3 2024: -8.8%)

Pertumbuhan eksport yang berterusan dalam keadaan import barangan modal dan perantaraan yang menjadi sederhana

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong terutamanya oleh sektor perkhidmatan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan

5.5%
(S3 2024: 5.2%)

Sokongan meningkat daripada subsektor berkaitan pengguna dan perniagaan

Perkilangan

4.4%
(S3 2024: 5.6%)

Pertumbuhan berterusan dalam kluster E&E dan berkaitan sumber manakala aktiviti perkilangan pengangkutan menurun

Pertanian

-0.5%
(S3 2024: 4.0%)

Penguncupan keluaran kelapa sawit berikutan keadaan cuaca buruk

Perlombongan

-0.9%
(S3 2024: -3.9%)

Penurunan pengeluaran minyak yang lebih perlahan, manakala keluaran gas asli kembali pulih

Pembinaan

20.7%
(S3 2024: 19.9%)

Pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam subsektor kediaman, bukan kediaman dan aktiviti pertukangan khas

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja

Pasaran pekerja terus bertambah baik

- Kadar pengangguran terus lebih rendah daripada paras sebelum pandemik iaitu 3.2% pada S4 2024 (S3 2024: 3.2% daripada tenaga kerja).
- Guna tenaga meningkat kepada 16.8 juta orang pada S4 2024 (S3 2024: 16.7 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan tenaga kerja kekal menggalakkan apabila kadar penyertaan tenaga kerja kekal terus meningkat kepada 70.6% pada S4 2024 (S3 2024: 70.5%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah

Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Upah nominal dan benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Upah nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend inflasi

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras menurun pada S4 2024

- Inflasi keseluruhan dan teras masing-masing menurun kepada 1.8% dan 1.7%.
- Inflasi yang lebih rendah dicatatkan sepanjang suku keempat untuk perkhidmatan komunikasi mudah alih dan petrol (RON97). Namun begitu, hal ini diimbangi oleh inflasi yang lebih tinggi untuk makanan dan minuman.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %



Item Indeks Harga Pengguna (IHP) Terpilih

Perkhidmatan Komunikasi Mudah Alih *(Wajaran: 2.7%)*	Petrol (RON97) *(Wajaran: 5.5%[1])*	Makanan dan minuman *(Wajaran: 29.8%)*
▼-10.0% S3 2024: 0.0%	▼ -0.8% S3 2024: -0.2%	▲ 2.5% S3 2024: 1.6%

Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
[1] Wajaran untuk IHP petrol termasuk RON95.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi kekal kurang meluas pada suku keempat

- Meskipun terdapat sedikit peningkatan dalam bilangan item IHP yang mencatatkan kenaikan harga pada suku keempat, trend ini kekal sejajar dengan norma sebelum ini.
- Peningkatan marginal tersebut mencerminkan pelarasan harga yang bersifat idiosinkratik pada akhir tahun.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport yang stabil dalam keadaan pertumbuhan import yang menurun

Eksport Kasar **7.3%** S3 2024: 7.7%

Pertumbuhan eksport perkilangan didorong oleh E&E

Import Kasar **5.3%** S3 2024: 20.8%

Pertumbuhan import barangan modal dan perantaraan menjadi sederhana

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa yang lebih besar

Akaun Semasa
RM11.4 bilion; 2.3% daripada KDNK
(S3 2024: RM2.2 bilion; 0.4%)

Faktor pendorong utama
- Lebihan barangan yang lebih tinggi kerana pertumbuhan eksport mengatasi import.
- Defisit perkhidmatan yang lebih kecil, mencerminkan imbangan perkhidmatan insurans, perkilangan dan perjalanan yang bertambah baik.

Diimbangi sebahagiannya oleh
- Defisit pendapatan utama dan sekunder yang lebih besar.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM5.8 bilion
(S3 2024: Aliran keluar bersih RM7.5 bilion)

Faktor pendorong utama
- Aliran keluar bersih dalam pelaburan portfolio disebabkan terutamanya oleh pelaburan sekuriti ekuiti di luar negeri oleh pelabur pemastautin dan penebusan sekuriti hutang domestik oleh pelabur bukan pemastautin.

Yang mengimbangi
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung yang didorong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang lebih tinggi dalam keadaan pelaburan langsung luar negeri (DIA) yang lebih rendah.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain yang disebabkan terutamanya oleh pinjaman antara bank.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.35 trilion atau 69.7% daripada KDNK
(S3 2024: RM1.26 trilion atau 66.3% daripada KDNK)
- Kesan penilaian kadar pertukaran susulan penurunan nilai ringgit berbanding beberapa mata wang utama dan serantau.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 31.3%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.
Dalam denominasi mata wang asing: 68.7%
yang 60.8% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 18.4% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh Matang

Jangka sederhana dan panjang: 57.2%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**-RM6.7 bilion** (S3 2024: -RM38.6 bilion)
Rizab Antarabangsa[1]	**USD116.4 bilion** (S3 2024: USD119.7 bilion)

- **4.9 bulan**[2] import barangan dan perkhidmatan
- **0.9 kali** hutang luar negeri jangka pendek

[1] Pada 31 Januari 2025.
[2] Paras ini mungkin berbeza daripada paras yang dinyatakan dalam siaran akhbar mengenai rizab antarabangsa yang diterbitkan pada 7 Februari 2025, kerana mencerminkan data terkini S4 2024 berhubung dengan import barangan dan perkhidmatan serta hutang luar negeri jangka pendek.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pasaran Kewangan dan Kadar Pertukaran

Ringgit menurun nilai berbanding mata wang serantau pada suku keempat tetapi menambah nilai secara keseluruhan pada asas tahun ke tahun

Penurunan nilai ringgit pada suku keempat mencerminkan perubahan dalam sentimen pelabur berikutan jangkaan pengurangan kadar faedah AS yang lebih sedikit pada tahun 2025 dan pilihan raya AS

Prestasi ringgit berbanding mata wang utama terpilih lain
% suku tahun ke suku tahun dan tahun ke tahun



Nota: NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal
Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya didorong oleh faktor-faktor global

Kadar hasil bon meningkat

selaras dengan kadar hasil bon global berikutan jangkaan pasaran bahawa pengurangan kadar faedah AS yang lebih sedikit pada tahun 2025

Kadar Hasil MGS 10 tahun +11 mata asas
(S3 2024: -15 mata asas)

Pasaran ekuiti menurun

berikutan aliran keluar asing bersih disebabkan oleh ketidakpastian dasar daripada pilihan raya AS pada bulan November 2024

KLCI -0.4% suku tahun ke suku tahun
(S3 2024: +3.7%)

Faktor-faktor utama

Penghindaran risiko oleh pelabur global berikutan ketidakpastian daripada kemungkinan sekatan perdagangan oleh pentadbiran AS yang baharu

Jangkaan pasaran kewangan terhadap kadar pelonggaran dasar monetari yang lebih perlahan oleh Federal Reserve AS berikutan semakan menaik dalam unjuran pertumbuhan dan inflasi

Sumber: Bank Negara Malaysia, ETP, Bursa Malaysia dan Bloomberg

Kadar Faedah dan Mudah Tunai

Kadar deposit tetap dan kadar pinjaman purata menurun pada suku keempat

Kadar faedah,
Pada akhir tempoh, %



- **KLIBOR 3 bulan meningkat** berikutan permintaan bermusim bagi pendanaan oleh bank-bank pada tempoh akhir tahun untuk memperkukuh nisbah pengawalseliaan. Sejak itu, kadar antara bank telah mula menurun secara beransur-ansur pada bulan Januari 2025.

- **Kadar deposit tetap (FD) runcit menurun** sebanyak 2 hingga 8 mata asas merentas tempoh antara 1 hingga 12 bulan pada suku keempat, mencerminkan strategi pendanaan bank-bank untuk menguruskan kos dana mereka berikutan kadar deposit korporat yang lebih tinggi pada tempoh akhir tahun.

- **Kadar pinjaman purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit** pada suku keempat.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Tahap mudah tunai sistem perbankan terus menyokong pengantaraan kewangan

Mudah tunai ringgit terkumpul di BNM,
Pada akhir tempoh, RM bilion



- **Jumlah mudah tunai sistem perbankan meningkat sedikit** pada akhir suku tahun keempat berikutan suntikan mudah tunai yang lebih tinggi oleh BNM.

- Mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan lebihan penempatan dana di BNM pada akhir bulan Disember 2024.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan Kredit

Pertumbuhan kredit yang lebih tinggi, didorong oleh pertumbuhan pinjaman perniagaan dan bon korporat

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan,
Sumbangan kepada pertumbuhan, mata peratusan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perkembangan utama

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]

5.2%
S3 2024: 4.8%

- Pertumbuhan pinjaman terkumpul[2] kekal mampan pada 5.6% (S3 2024: 5.6%) berikutan peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman perniagaan, manakala pertumbuhan dalam pinjaman isi rumah menurun sedikit.
- Pertumbuhan dalam bon korporat terkumpul meningkat kepada 3.5% (S3 2024: 2.1%) berikutan terbitan bon yang lebih tinggi dalam suku keempat.

Pinjaman Perniagaan

5.1%
S3 2024: 4.6%

- Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman perniagaan terkumpul didorong oleh pinjaman berkaitan pelaburan yang meningkat terutamanya dalam kalangan peminjam PKS.
- Pertumbuhan dalam pinjaman bagi tujuan modal kerja secara amnya stabil.
- Mengikut sektor, pertumbuhan pinjaman dalam sektor pembinaan dan perkilangan meningkat berikutan tahap permohonan dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi.

Pinjaman Isi Rumah

5.9%
S3 2024: 6.1%

- Pinjaman isi rumah berkembang sebanyak 5.9% susulan pertumbuhan pinjaman yang menurun sedikit bagi pembelian rumah dan kereta.
- Meskipun begitu, tahap permohonan dan pengeluaran pinjaman secara amnya kekal mampan pada suku keempat.

[1] Semua angka yang disebut adalah dalam bentuk perubahan tahunan.
[2] Merujuk pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Sorotan mesyuarat MPC bulan Januari 2025

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3% pada mesyuarat MPC bulan November 2024 dan Januari 2025.
- MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari terus menyokong ekonomi

Pada mesyuarat MPC bulan November 2024 dan Januari 2025, MPC telah mengekalkan OPR pada 3%.

Pada mesyuarat MPC bulan Januari 2025 baru-baru ini, MPC menilai bahawa ekonomi global mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada jangkaan pada tahun 2024. Keadaan ini mencerminkan pertumbuhan sebenar yang lebih baik di ekonomi-ekonomi utama dan perdagangan global yang lebih kukuh. Bagi tahun 2025, ekonomi global dijangka mampan dengan keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang terus sederhana dan dasar monetari yang kurang ketat. Perdagangan global dijangka kekal mampan secara keseluruhan, disokong oleh peningkatan kitaran teknologi yang berterusan. Walau bagaimanapun, prospek ini boleh dipengaruhi oleh ketidakpastian berhubung dengan sekatan perdagangan dan pelaburan yang lebih banyak. Ketidakpastian dasar yang kekal tinggi juga boleh menyebabkan volatiliti pasaran kewangan global yang lebih ketara.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2024 berada pada kadar yang dijangkakan. MPC menilai bahawa pada masa hadapan, kekukuhan kegiatan ekonomi dijangka berterusan pada tahun 2025, didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan. Pertumbuhan guna tenaga dan upah berserta langkah-langkah dasar, termasuk semakan kenaikan gaji minimum dan gaji penjawat awam, akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan yang mantap akan diteruskan oleh projek berbilang tahun yang dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan berterusan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Pelaburan ini yang disokong oleh modal import yang lebih tinggi akan meningkatkan eksport dan mengembangkan keupayaan pengeluaran ekonomi. Eksport dijangka akan disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global, pertumbuhan eksport barangan bukan elektrik dan elektronik yang terus meningkat dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi. Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan daripada kelembapan ekonomi rakan-rakan dagangan utama berikutan risiko sekatan perdagangan dan pelaburan yang ketara serta

Pertimbangan Dasar

pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Sementara itu, pertumbuhan mungkin menjadi lebih tinggi daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras berpurata sebanyak 1.8% pada tahun 2024. Pada tahun 2025, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Harga komoditi global dijangka terus menunjukkan trend menurun, menyumbang kepada keadaan kos yang sederhana pada jangka masa terdekat. Dalam persekitaran ini, kesan keseluruhan langkah-langkah pembaharuan dasar dalam negeri yang diumumkan baru-baru ini terhadap inflasi dijangka terkawal. Risiko kenaikan inflasi akan bergantung pada tahap kesan limpahan langkah-langkah dasar dalam negeri dan harga komoditi global serta perkembangan pasaran kewangan.

Prestasi ringgit terus didorong terutamanya oleh faktor luaran. Perbezaan kadar faedah yang semakin mengecil antara Malaysia dengan ekonomi-ekonomi maju adalah positif untuk ringgit. Walaupun pasaran kewangan mungkin menghadapi tempoh volatiliti disebabkan oleh ketidakpastian dasar-dasar global, prospek ekonomi Malaysia dan pembaharuan struktur dalam negeri yang menggalakkan, berserta inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan aliran dana, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan adalah konsisten dengan penilaian semasa tentang prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC terus memantau perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.

Tinjauan Makroekonomi

Pertumbuhan global berterusan berikutan pasaran pekerja yang berdaya tahan dan pelonggaran dasar monetari

Inflasi dijangka terus sederhana

Bagi tahun 2025, pertumbuhan dalam ekonomi global secara amnya dijangka berterusan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif, inflasi yang terus sederhana dan dasar monetari yang kurang ketat. Disinflasi, khususnya dalam kalangan ekonomi maju, dijangka berterusan dan disokong oleh harga komoditi yang lebih rendah. Pengembangan dalam perdagangan global juga dijangka berterusan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah-langkah yang boleh menyekat perdagangan dan pelaburan mungkin mempengaruhi perdagangan global.

Risiko pertumbuhan menjadi perlahan kekal berterusan, terutamanya daripada ketidakpastian berhubung dengan sekatan perdagangan dan pelaburan. Sebaliknya, risiko pertumbuhan yang lebih tinggi boleh disebabkan oleh pertumbuhan AS yang lebih kukuh, jika dasar-dasar pentadbiran baharu merangsang permintaan dalam negeri dengan ketara.

Ekonomi Malaysia akan terus berkembang

Perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan akan mendorong pertumbuhan pada tahun 2025

Ekonomi Malaysia dijangka terus berdaya tahan pada tahun 2025. Pertumbuhan akan dipacu oleh pengembangan aktiviti pelaburan yang mantap, perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan dan eksport yang terus berkembang. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan oleh sektor swasta dan awam, lebih banyak pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan serta inisiatif pemangkin yang terus dilaksanakan di bawah beberapa pelan induk nasional. Pertumbuhan guna tenaga dan gaji serta langkah-langkah dasar, termasuk semakan menaik gaji minimum dan gaji penjawat awam, akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Eksport dijangka disokong oleh peningkatan kitaran teknologi global, pertumbuhan berterusan bagi barangan bukan elektrik dan elektronik serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi.

Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan jika pertumbuhan rakan-rakan perdagangan utama menjadi perlahan berikutan risiko sekatan perdagangan dan pelaburan yang ketara dan pengeluaran komoditi yang lebih rendah daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan mungkin lebih tinggi disebabkan oleh limpahan yang lebih besar daripada peningkatan kitaran teknologi, aktiviti pelancongan yang lebih kukuh serta pelaksanaan projek pelaburan yang lebih pantas.

Inflasi akan kekal terkawal pada tahun 2025

Inflasi dijangka dibendung oleh keadaan kos yang sederhana dan ketiadaan permintaan yang berlebihan

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras berpurata 1.8% pada tahun 2024. Pada tahun 2025, inflasi dijangka kekal terkawal berikutan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan dalam negeri yang berlebihan. Harga komoditi global dijangka terus menurun, menyumbang kepada keadaan kos yang sederhana pada jangka masa terdekat. Dalam persekitaran ini, kesan langkah-langkah dasar[1] dalam negeri yang diumumkan baru-baru ni dijangka terkawal.

Risiko kenaikan inflasi boleh disebabkan oleh kesan limpahan yang lebih besar daripada pembaharuan dasar, terutamanya jika didorong oleh persekitaran permintaan yang lebih kukuh. Misalnya, keadaan ini boleh menyebabkan inflasi yang lebih tinggi dan kenaikan harga yang lebih meluas. Selain itu, risiko luaran terhadap inflasi sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakpastian dalam perkembangan perdagangan global dan geopolitik, yang boleh mempengaruhi kos pengeluaran menerusi harga komoditi global dan perkembangan pasaran kewangan.

[1] Langkah ini termasuk, antara lain, rasionalisasi subsidi RON95, peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), dan dasar pasaran pekerja seperti semakan gaji minimum, model gaji progresif dan semakan gaji penjawat awam.

Jadual 1: **KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2024 (%)	2023		2024				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan, %						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	95.2	4.9	4.6	6.1	6.9	7.0	6.1	6.5
Sektor swasta	77.2	4.1	4.6	5.7	7.3	7.0	6.3	6.6
Penggunaan	60.7	4.2	4.7	4.7	6.0	4.8	4.9	5.1
Pelaburan	16.5	4.0	4.6	9.2	12.0	15.5	12.7	12.3
Sektor awam	18.0	7.4	4.6	8.4	4.9	7.1	5.3	6.3
Penggunaan	13.1	5.8	3.3	7.3	3.6	4.9	3.3	4.7
Pelaburan	4.8	11.3	8.6	11.5	9.1	14.4	10.0	11.1
Eksport Bersih	4.3	-52.9	-16.2	-24.5	3.4	-8.8	57.6	2.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	68.2	-7.9	-8.1	5.2	8.4	11.8	8.5	8.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	63.9	-2.6	-7.4	8.0	8.7	13.5	5.7	8.9
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**	**5.4**	**5.0**	**5.1**
KDNK, perubahan suku tahunan, terlaras secara bermusim %	**-**	-1.0	-	1.5	2.9	1.9	-1.1	**-**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: **KDNK Mengikut Kegiatan Ekonomi (pada harga malar tahun 2015)**

	Bahagian 2024 (%)	2023		2024				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan, %						
Perkhidmatan	59.3	4.1	5.1	4.8	5.9	5.2	5.5	5.4
Perkilangan	23.2	-0.3	0.7	1.9	4.7	5.6	4.4	4.2
Pertanian	6.3	1.9	0.7	1.7	7.3	4.0	-0.5	3.1
Perlombongan	6.0	3.5	0.5	5.7	2.7	-3.9	-0.9	0.9
Pembinaan	4.0	3.6	6.1	11.9	17.3	19.9	20.7	17.5
KDNK Benar, perubahan tahunan %	**100.0**	**2.9**	**3.6**	**4.2**	**5.9**	**5.4**	**5.0**	**5.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: **Imbangan Pembayaran**[1]

	2023		2024				
	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
	RM bilion						
Akaun semasa	**0.9**	**28.2**	**16.2**	**3.0**	**2.2**	**11.4**	**32.8**
% daripada KDNK	*0.2*	*1.5*	*3.5*	*0.6*	*0.4*	*2.3*	*1.7*
Barangan	30.8	136.2	32.0	24.6	23.1	37.4	117.1
Perkhidmatan	-7.4	-43.2	-7.3	-4.9	-1.6	-0.1	-13.9
Pendapatan primer	-20.3	-52.9	-8.8	-15.5	-17.0	-20.2	-61.5
Pendapatan sekunder	-2.2	-11.8	0.3	-1.1	-2.4	-5.7	-8.9
Akaun kewangan	**-20.1**	**-15.5**	**-18.7**	**17.1**	**-7.5**	**-5.8**	**-14.8**
Pelaburan langsung	5.2	-0.2	-6.0	3.8	-4.3	17.6	11.0
Aset	-5.5	-36.3	-26.0	-6.0	-15.5	-12.3	-59.7
Liabiliti	10.7	36.1	20.0	9.7	11.1	29.9	70.8
Pelaburan portfolio	-6.0	-36.4	-23.7	-21.7	3.6	-42.2	-84.0
Aset	-10.0	-46.6	-21.2	-28.8	-32.0	-25.9	-108.0
Liabiliti	4.0	10.3	-2.5	7.2	35.6	-16.4	23.9
Derivatif kewangan	-3.8	-3.9	1.2	-0.6	-0.4	2.7	2.9
Pelaburan lain	-15.5	25.0	9.8	35.6	-6.3	16.2	55.3
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	**9.3**	**-33.0**	**11.3**	**-21.5**	**7.6**	**0.4**	**-2.2**
Imbangan keseluruhan	**-10.1**	**-20.5**	**8.7**	**-1.3**	**2.3**	**6.1**	**15.8**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada rizab penilaian semula. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4: **Hutang Luar Negeri Terkumpul**

	2023	2024	
	Akhir Dis	Akhir Sep	Akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah Hutang Luar Negeri	**1,242.5**	**1,262.3**	**1,345.4**
Bersamaan USD bilion	270.7	*307.4*	*300.6*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota	169.8	153.2	162.2
Peminjaman antara bank	220.7	207.4	237.9
Pinjaman antara syarikat berkaitan	189.0	199.6	223.8
Pinjaman	86.9	84.1	89.3
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	269.5	285.5	274.0
Deposit bukan pemastautin	137.5	143.7	150.0
Peruntukan Hak Pengeluar Khas (SDR) IMF	29.7	26.9	28.2
Lain-lain	139.3	162.1	180.1
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	723.1	745.8	770.0
Jangka pendek	519.5	516.6	575.4
Denominasi mata wang			
Ringgit	410.6	433.9	420.8
Asing	832.0	828.5	924.6
Jumlah hutang/ KDNK, %	**68.2**	**66.3**	**69.7**
Hutang jangka pendek/ Jumlah hutang, %	**41.8**	**40.9**	**42.8**
Rizab/ Hutang luar negeri jangka pendek, kali	**1.0**	**1.0**	**0.9**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 5: **Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan**

	2023	2024		2023	2024	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Akhir tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]	**2736.1**	**2820.6**	**2877.6**	**4.8**	**4.8**	**5.2**
Bon korporat terkumpul[2]	573.4	582.4	593.6	4.2	2.1	3.5
Pinjaman terkumpul[3,4]	2162.6	2238.1	2284.0	5.0	5.6	5.6
Perniagaan	776.1	793.6	815.4	3.7	4.6	5.1
PKS	386.1	406.7	417.3	8.7	8.8	8.1
Bukan PKS	386.3	382.7	393.8	-0.6	0.5	1.9
Isi rumah	1386.5	1444.5	1468.6	5.7	6.1	5.9
Kredit kepada perniagaan[5]	1349.6	1376.0	1408.5	3.9	3.5	4.4

[1] Mulai penerbitan Buletin Suku Tahunan S4 2022, kredit kepada sektor swasta bukan kewangan telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan yang disalurkan untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. Data baharu ini menggantikan data pembiayaan bersih kepada sektor swasta yang digunakan sebelum ini.
[2] Termasuk kertas jangka pendek konvensional dan Islam, serta bon dan sukuk jangka panjang; tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, kerajaan, institusi kewangan dan institusi kewangan bukan bank.
[3] Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[4] Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas tanpa rekursa.
[5] Terdiri daripada pinjaman terkumpul kepada perniagaan dan bon korporat terkumpul.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6: **Penunjuk Pinjaman**[1]

	2023	2024		2023	2024	
	S4	S3	S4	S4	S3	S4
	Dalam tempoh, RM bilion			Perubahan tahunan, %		
Jumlah Sektor Swasta Bukan Kewangan[2]						
Permohonan pinjaman	400.7	429.4	412.2	24.9	2.5	2.9
Kelulusan pinjaman	225.3	224.0	222.5	27.8	4.3	-1.2
Pengeluaran pinjaman	580.0	555.4	596.0	3.5	-1.1	2.8
Bayaran balik pinjaman	557.9	539.5	575.4	0.0	-2.3	3.1
Antaranya:						
Perniagaan[3]						
Permohonan pinjaman	160.7	181.8	174.8	31.0	0.1	8.8
Kelulusan pinjaman	112.7	111.2	114.3	24.5	4.1	1.4
Pengeluaran pinjaman	441.1	411.9	451.3	0.7	-3.7	2.3
Bayaran balik pinjaman	428.7	403.8	437.8	-3.0	-5.5	2.1
PKS						
Permohonan pinjaman	82.6	98.6	95.6	23.3	-7.6	15.7
Kelulusan pinjaman	53.9	51.6	53.7	46.0	-1.6	-0.3
Pengeluaran pinjaman	141.5	150.2	162.0	12.6	13.0	14.5
Bayaran balik pinjaman	133.1	146.1	154.0	7.7	12.3	15.7
Bukan PKS						
Permohonan pinjaman	78.1	83.1	79.2	40.6	11.1	1.4
Kelulusan pinjaman	58.8	59.6	60.6	9.9	11.7	3.0
Pengeluaran pinjaman	297.8	259.8	287.5	-4.0	-11.3	-3.4
Bayaran balik pinjaman	293.6	256.4	282.2	-7.0	-13.3	-3.9
Isi Rumah						
Permohonan pinjaman	240.0	247.7	237.4	21.2	4.3	-1.1
Kelulusan pinjaman	112.6	112.7	108.3	31.3	4.6	-3.9
Pengeluaran pinjaman	138.9	143.5	144.8	13.7	7.2	4.2
Bayaran balik pinjaman	129.2	135.7	137.6	11.4	8.5	6.5

[1] Pinjaman bagi semua segmen termasuk data sistem perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP).
[2] Merujuk jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti-entiti lain.
[3] Angka-angka pinjaman bagi PKS dan bukan PKS tidak semestinya terjumlah menjadi angka pinjaman perniagaan berikutan perniagaan yang tidak dikelaskan mengikut saiz syarikat turut dimasukkan dalam pengiraan.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 7: **Penunjuk Keberuntungan Sistem Perbankan**

	2023	2024		2023	2024	
	S4	S3	S4[a]	S4	S3	S4[a]
	%			Perubahan tahunan, mata peratusan		
Pulangan atas ekuiti[1]	11.2	12.4	12.2	-1.1	0.9	0.9
Pulangan atas aset[1]	1.2	1.4	1.4	-0.14	0.12	0.11
	RM juta			Perubahan tahunan, %		
Pendapatan faedah bersih	14,834	15,980	16,092	-8.5	7.1	8.5
Campur: Pendapatan berasaskan fi	3,417	3,437	3,320	18.8	8.3	-2.8
Tolak: Kos operasi[2]	11,134	11,488	12,138	2.0	7.0	9.0
Keuntungan operasi kasar	7,117	7,929	7,273	-12.9	7.8	2.2
Tolak: Peruntukan jelas nilai[3] dan lain-lain	1,280	653	407	228.8	-27.2	-68.2
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,837	7,276	6,867	-25.0	12.7	17.6
Campur: Pendapatan lain[1]	4,512	5,744	4,766	19.2	34.6	5.6
Untung sebelum cukai[1]	**10,349**	**13,020**	**11,633**	**-10.5**	**21.4**	**12.4**

[a] Awalan
[1] Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% hingga 10.7%.
[2] Merujuk kos kakitangan dan overhed.
[3] Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8: **Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful**

	2023	2024		2023	2024	
	S4	S3	S4[a]	S4	S3	S4[a]
	RM juta			Perubahan tahunan, %[2]		
Insurans Hayat & Takaful Keluarga						
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan[1]	2,378	2,552	2,141	-56.7	198.3	-10.0
Insurans Am & Takaful Am						
Keuntungan operasi	980	844	1,033	-10.6	-2.1	5.4
Nisbah tuntutan (%)	55	56	58	3.5	-2.7	2.4

[a] Awalan
[1] Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan penanggung insurans dan pengendali takaful dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
[2] Merujuk mata peratusan bagi perubahan tahunan nisbah tuntutan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9: **Kewangan Kerajaan Persekutuan**[1]

	2023		2024[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	88.7	315.0	87.1	98.4	324.6
Perubahan tahunan (%)	*2.2*	*7.0*	*11.9*	*10.9*	*3.0*
Perbelanjaan mengurus	97.7	311.3	76.3	88.1	321.5
Perubahan tahunan (%)	*4.3*	*6.3*	*9.5*	*-9.8*	*3.3*
Imbangan semasa	**-9.0**	**3.7**	**10.8**	**10.3**	**3.1**
Perbelanjaan pembangunan bersih	31.1	95.1	17.4	31.3	82.3
Perubahan tahunan (%)	*25.7*	*35.5*	*-11.3*	*0.6*	*-13.5*
Imbangan keseluruhan	**-40.1**	**-91.4**	**-6.6**	**-21.0**	**-79.2**
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	128.8	406.4	93.7	119.4	403.8
Perubahan tahunan (%)	*-4.2*	*3.2*	*4.9*	*-7.3*	*-0.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	1,172.5	1,172.5	1,239.1	1,247.6	1,247.6
Hutang dalam negeri	891.0	891.0	944.8	964.0	964.0
Hutang luar negeri	281.5	281.5	294.3	283.6	283.6
Pemegang hutang dalam denominasi RM oleh bukan pemastatutin	*256.3*	*256.3*	*272.1*	*260.2*	*260.2*
Peminjaman luar pesisir	*25.1*	*25.1*	*22.2*	*23.4*	*23.4*

[a] Awalan
[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia